



Bersama **FIRKHAN**  
sembangict@yahoo.com

## Elak hilang data

**B**AGAIMANAKAH untuk elakkan kehilangan data dengan menggunakan *Windows Information Protection*?

- SITI, CYBERJAYA

Maklumat merupakan satu elemen paling kritikal dalam dunia teknologi maklumat yang perlu untuk dilindungi terutama untuk sesebuah organisasi. *Windows Information Protection* atau *WIP* merupakan satu teknologi pengelakkan kehilangan data dengan melihat kepada pengelasan maklumat yang memberi kesan yang besar kepada perniagaan sehingga kepada kata kunci yang menunjukkan kesensitifan maklumat yang berpotensi untuk keluar daripada lingkungan keselamatan korporat. Seterusnya, dibina satu perancangan untuk memberhentikan atau mengalihkan masalah kebocoran maklumat tersebut.

Teknologi *WIP* ini hanya ada pada sistem *Windows 10* sahaja. Teknologi *WIP* ini sesuai digunakan sekiranya sesebuah organisasi mengamalkan sistem *BYOD (Bring Your Own Devices)* dalam penggunaan komputer, aplikasi perniagaan yang digunakan tidak mempunyai kebolehan dalaman untuk melindungi kebocoran maklumat atau keperluan sistem perlindungan yang diintegrasikan dengan unit *System Center* dalam sistem *Windows*.

Teknologi *WIP* akan berfungsi apabila dibina satu dokumen, lembaran kerja atau fail pada peranti yang dilindungi. Pengguna atau pekerja akan diberi pilihan untuk simpan fail tersebut sebagai dokumen kerja yang akan mengaktifkan perlindungan data dengan teknologi *WIP*. Dokumen kerja itu dikenali sebagai data kepunyaan organisasi sama ada ia disimpan secara setempat atau menerusi media storan yang lain.

Teknologi *WIP* akan mengunci data tersebut dengan teknologi enkripsi dan pelaksanaan polisi ke atasnya. Penggunaan sesetengah aplikasi juga boleh diblok penggunaannya ke atas data atau maklumat yang dilindungi dengan teknologi *WIP* ini.

Teknologi *WIP* ini juga mengandungi beberapa jenis mod perlindungan bergantung kepada keperluan organisasi. Polisi *WIP* akan mengenkripsi data atau maklumat dengan teknologi *Encrypted File System (EFS)* yang ada pada sistem *Windows*. Polisi *WIPS* juga mengandungi senarai putih aplikasi menerusi fungsi *AppLocker*. Polisi *WIP* ini mempunyai empat jenis mod iaitu *Block, Override, Silent* dan *Off*.

Polisi *WIP* ini boleh digunakan kepada pengguna menerusi aplikasi *Microsoft Intune* yang merupakan *System Center* berasaskan awanan atau aplikasi *System Center Configuration Manager (SCCM)*.

Teknologi *WIP* merupakan satu inisiatif keselamatan yang baik daripada pihak *Microsoft* untuk sistem *Windows 10* dalam melindungi masalah kebocoran maklumat atau data dalam sesebuah organisasi.